

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, February 16, 2020 3:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penulis Kongsi Rahsia Novel Komik Popular



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 FEBRUARI 2020 / 22 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: UUM Press

PENULIS KONGSI RAHSIA NOVEL KOMIK POPULAR



UUM ONLINE: Penulis selebriti, Rashiele Nurain Rasid berkongsi pengalaman dunia penulisan yang penuh warna-warni sempena Pesta Buku Utara 2020 di Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah, pagi tadi.

Beliau merupakan penulis *Blink* untuk siri Running Star dan pelbagai novel yang kebanyakannya berlatar belakangkan Korea seperti Aku Mahu Seoul Mate, Miss Kimchi lawan Raja Sambal dan Cik Akademik Lawan Samseng Mereng yang bertepatan dengan selera pembaca khususnya remaja.

"Kenapa saya memilih Korea? Kerana saya pernah bertugas sebagai editor senior di PTS Media Group untuk novel remaja dan terjemahan Korea termasuklah komik Running Man, jadi

saya kerap ke Korea dan berpeluang menulis buku,” katanya pada Bengkel Rahsia Penulis Selebriti: Penghasilan Novel Komik Popular.

Berkongsi rahsia menjadi penulis selebriti, beliau menggunakan akronim BSTAR iaitu *Branding* (penjenamaan), *Story*, *Tribe* (Kelompok), *Action* dan *Reward*.

Menurutnya, dalam *branding*, penulis perlu meletakkan satu persepsi di fikiran pembaca.

“Penulis hari ini sudah tidak boleh duduk di belakang tabir memencilkan diri hanya menghantar karya secara diam-diam, sebaliknya perlu tampil seperti seorang selebriti, misalnya seperti penampilan Wak Doyok yang bermisai unik dan Dato’ Seri Siti Nurhaliza dengan santun pekerti, itu menunjukkan *branding* telah berjaya jadi industri buku perlu meniru industri hiburan,” katanya.

Jelasnya, sebagai penulis kena ada cerita untuk dihasilkan selain berkolaborasi antara penulis lama dengan penulis baru yang dapat menyelami keadaan sebenar agar dekat dengan pembaca.

“Hasilkan cerita yang paling orang suka seperti yang dipaparkan dalam filem dengan mengadaptasi bagaimana filem menghasilkan karya.

“Memandangkan pembaca terdiri dalam kalangan remaja, saya banyak pergi ke sekolah untuk bertemu pembaca, bila dah ada kelompok peminat kita boleh mengadakan sesi *Meet & Greet* bertemu secara eksklusif dan bertukar-tukar pandangan,” katanya yang menyimpan impian untuk menubuhkan akademi penulisan kanak-kanak dan remaja.

Sementara itu, penulis, Aman Wan berkata, untuk mencapai pembaca yang tidak boleh dicapai kita bertindak dengan penggunaan media sosial.

“Promosi di media sosial sepatutnya dihebahkan sebelum buku diterbitkan untuk menghasilkan karya yang disukai ramai.

“Peminat sudah habiskan banyak masa untuk membaca, jadi kita memberi *reward* seperti hadiah dan setiap kali nak buat buku hasilkan bersama-sama peminat, tanya pandangan misalnya apa kesukaan, *trend* dan nama watak agar mereka rasa dihargai dan sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi,” katanya.

Mengangkat tema Membaca Gaya Hidupku, Pesta Buku Utara 2020 dianjurkan secara bersama oleh UUM Press, Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Pesta yang bermula dari 16 hingga 20 Februari ini menyaksikan 32 pempamer yang terdiri daripada penerbit dan pengedar buku dari dalam dan luar negara.

Pelbagai acara menarik menanti pengunjung antaranya pertandingan *choral speaking*, berbalas pantun, deklamasi puisi, bicara buku, pameran dan ceramah JKJR, Ceramah Iqra dan kempen derma darah.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.